

# Switzerland setuju beri maklumat kes Perwaja

Oleh AKMAR HISHAM MOKHLES

UM 29 MAR 2002

KUALA LUMPUR 28 Mac — Kebuntuan siasatan kes penyelewengan Perwaja Steel Sdn. Bhd. (Perwaja) yang berlarutan sejak beberapa tahun lalu dijangka terlerai tidak lama lagi berikutan persetujuan kerajaan Switzerland untuk memberi maklumat yang diminta oleh Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, Malaysia amat menghargai bantuan daripada kerajaan negara itu dan berharap usaha tersebut dapat dilakukan secara bersungguh-sungguh.

Katanya, kerajaan juga berharap agar segala maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) dapat diberikan oleh negara berkenaan terutama berkaitan simpanan dalam akaun pihak tertentu yang disyaki hasil daripada penyelewengan tersebut.

## Selesai

Beliau memberitahu, kerjasama berkenaan sudah tentu akan membolehkan siasatan yang dijalankan oleh pihak berkuasa Malaysia terhadap kes tersebut dapat diselesaikan segera.

“Jika kerajaan Switzerland bersungguh-sungguh (untuk membantu), maka penyelidikan dan siasatan BPR sudah tentu lebih mudah dijalankan demi menegakkan keadilan,” katanya kepada pemberita selepas

■ Lihat muka 8

# Switzerland setuju beri maklumat kes Perwaja

UM 29 MAR 2002

melancarkan talian Infoguaman Biro Bantuan Guaman (BBG) di KT. Sentral di sini hari ini.

Kelmarin, Kaunselor Switzerland, Ulrich Schlaesli berkata, kerajaannya sedia untuk membantu pihak berkuasa Malaysia bagi mengesan wang penyelewengan Perwaja bernilai kira-kira RM76.4 juta yang dipercayai disimpan di negara itu.

Malah, jelas Schlaesli, kerajaannya telah pun memberi segala bantuan awal yang diperlukan termasuk menyalurkan pelbagai maklumat yang diminta oleh BPR.

Schlaesli memberitahu, berdasarkan undang-undang Persekutuan Switzerland juga, pihaknya boleh mengenal pasti mana-mana pemilik akaun di negara itu yang disyaki terlibat dalam jenayah.

“Ini termasuk simpanan yang dipercayai hasil daripada penyelewengan di Perwaja jika diminta oleh pihak berkuasa Malaysia,” katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 25 Februari lalu mendedahkan bahawa BPR gagal mendakwa pihak yang disyaki terlibat dengan skandal itu kerana bank di Switzerland dan beberapa negara lain enggan memberi kerjasama kepada agensi tersebut.

Sungguhpun berdepan dengan halangan berkenaan, BPR masih meneruskan siasatan yang dimulakan sejak tahun 1996 berhubung kerugian Perwaja sebanyak RM10 bilion.

Sementara itu, Rais memberitahu, kerajaan hanya mengetahui mengenai kesediaan kerajaan Switzerland untuk membantu siasatan berhubung kes Perwaja itu Kelmarin, selepas usaha mendapatkan maklumat sebelum ini gagal ekoran tiadanya kerjasama dari pihak bank di negara itu.

Bagaimanapun, tegas beliau, pihaknya tidak tahu sejauh mana kerjasama yang akan diberikan oleh negara tersebut.

Dalam pada itu, Rais memberitahu, kerajaan memang mengharapkan negara asing memberi kerjasama kepada negara ini dalam apa-apa siasatan yang dilakukan.

Untuk tujuan itu, ujar beliau, kerajaan bersedia mewujudkan Akta Bantuan Bersama Mengenai Jenayah 2002 yang akan dibentangkan pada persidangan Parlimen kali ini bagi membolehkan kerjasama dalam bidang berkaitan jenayah di peringkat antarabangsa dilakukan.